

(i)

ENAKMEN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR 2002

SUSUNAN SEKSYEN -SEKSYEN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II
MAJLIS PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

3. Penubuhan Majlis Perlindungan Alam Sekitar.
4. Tempoh jawatan dan kelayakan untuk dilantik semula.
5. Hilang kelayakan, perletakan jawatan dan mengosongkan jawatan.
6. Panggilan mesyuarat, korum, pengundian, prosedur dan minit.
7. Mempengerusikan mesyuarat Majlis.
8. Pembayaran elaun.

BAHAGIAN III
PERUNTUKAN UMUM BERHUBUNG DENGAN POLISI DAN PROGRAM PERLINDUNGAN
ALAM SEKITAR

9. Polisi perlindungan alam sekitar.
10. Program perlindungan alam sekitar.
11. Kawasan perlindungan alam sekitar.
12. Laporan ke atas aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.
13. Laporan ke atas aktiviti-aktiviti yang tidak ditetapkan.
14. Pihak Berkuasa Kerajaan untuk memberitahu Pengarah.
15. Prosedur dan panduan bagi kesan alam sekitar.
16. Pengeanaan bayaran pemprosesan.
17. Pelesenan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.

(ii)

18. Zon bahaya alam sekitar.
19. Pengeanaan bayaran produk, dsb.
20. Langkah-langkah perlindungan alam sekitar.

BAHAGIAN IV TABUNG PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

21. Penubuhan Tabung Perlindungan Alam Sekitar.
22. Wang hendaklah dibayar ke dalam Tabung.
23. Tujuan Tabung.

BAHAGIAN V PENTADBIRAN

24. Fungsi dan tanggungjawab Pengarah.
25. Kewajipan untuk menjalankan fungsi, dsb, dalam waktu yang munasabah.
26. Pegawai penguatkuasa alam sekitar.
27. Mengemukakan maklumat kepada Pengarah.

BAHAGIAN VI TANGGUNGJAWAB DAN SEKATAN

28. Sekatan ke atas penggunaan tanah.
29. Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti di sepanjang kawasan pantai.
30. Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjejaskan dasar tasik atau sungai.
31. Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjejaskan air.
32. Sekatan ke atas pelepasan bahan cemar.
33. Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjejaskan tumbuh-tumbuhan.
34. Kawalan terhadap organisma atau tumbuh-tumbuhan atau haiwan yang diubahsuai secara baka.
35. Tanggungjawab untuk menghalang kesan sampingan ke atas alam sekitar.
36. Pengecualian bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan.

(iii)

BAHAGIAN VII
PENGUATKUASAAN DAN KUASA SAMPINGAN

37. Pengarah boleh mengeluarkan notis pemberhentian untuk melindungi alam sekitar.
38. Hak untuk masuk.
39. Kuasa untuk menjalankan tinjauan, dsb.
40. Kuasa untuk menahan dan menyita.
41. Penjagaan dan pelupusan barang-barang.
42. Pelupusan barang mudah musnah yang disita.
43. Mengambil keterangan bagi maksud penyiasatan.
44. Tidak ada kos, ganti rugi, dsb, ke atas penyitaan.
45. Kuasa untuk mendakwa.

BAHAGIAN VIII
LEMBAGA RAYUAN ALAM SEKITAR

46. Penubuhan Lembaga Rayuan Alam Sekitar.
47. Rayuan.

BAHAGIAN IX
PENDAFTARAN PERUNDING ALAM SEKITAR

48. Penubuhan pendaftaran bagi Jawatankuasa Perunding Alam Sekitar.
49. Ahli Jawatankuasa.
50. Perunding alam sekitar yang berdaftar untuk menyediakan laporan.

BAHAGIAN X
KESALAHAN DAN PENALTI

51. Kegagalan mematuhi terma perjanjian syarat-syarat alam sekitar.
52. Kegagalan mematuhi notis pemberhentian.
53. Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen.
54. Kegagalan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat deklarasi pengurangan.

(iv)

55. Penalti kerana tidak memiliki surat kuasa, dsb.
56. Penalti bagi menghalang, dsb.
57. Kesalahan yang berterusan sebagai kesalahan yang berasingan.
58. Mengkomp aun.
59. Hutang tertunggak dibayar kepada Tabung Perlindungan Alam Sekitar.

BAHAGIAN XI


KAEDAH-KAEDAH PENGECUALIAN DAN PEMANSUHAN

60. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.
61. Pemansuhan dan pengecualian.



NEGERI SABAH

Saya memperkenalkan,



TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI SAKARAN BIN DANDAI,
Yang di-Pertua Negeri.

19 NOVEMBER 2002.

No.12 Tahun 2002

Suatu Enakmen untuk membuat peruntukan berhubung dengan perlindungan alam sekitar dan bagi perkara-perkara berkaitan dan bersampingan dengannya.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa.

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan konteks menghendaki sebaliknya –

“air” termasuklah air sungai, air tasik, air bawah tanah, air pantai dan air hujan
“aktiviti pembangunan” termasuklah pengambilan sumber-sumber semulajadi;
“alam sekitar” termasuklah –

- (a) persekitaran fizikal luaran dan keadaan-keadaan yang mempengaruhi perkembangan dan pertambahan penduduk, haiwan atau tumbuh-tumbuhan dan termasuklah keadaan sosial, kehidupan atau pekerjaan;
- (b) semua sumber semulajadi dan fizikal;
- (c) ekosistem dan bahagian-bahagiannya yang penting termasuklah penduduk dan komuniti; dan
- (d) nilai-nilai keselesaan, estetik dan kebudayaan;

“bahan cemar” ertinya apa-apa bahan sama ada cecair, pepejal atau gas atau organisma mikro yang secara langsung atau tak langsung –

- (a) mengubah kualiti mana-mana alam sekitar atau mana-mana bahagian alam sekitar yang akan memberi kesan sampingan terhadap alam sekitar;
- (b) adalah berbahaya atau mungkin berbahaya atau memudaratkan kesihatan dan keselamatan;
- (c) mengubah suhu atau ciri-ciri fizikal, biologi atau kimia dan kualiti alam sekitar yang akan memberi kesan sampingan kepada alam sekitar; atau
- (d) mewujudkan bau busuk, bunyi bising atau radioaktiviti;

“deklarasi pengurangan” ertinya perjanjian yang ditandatangani oleh seseorang sebelum mula berkuatkuasa apa-apa aktiviti pembangunan yang ditentukan di bawah seksyen 12;

“Jabatan” ertinya Jabatan Perlindungan Alam Sekitar;

“kaedah-kaedah” termasuklah peraturan-peraturan dan undang-undang kecil;

“kawasan perlindungan alam sekitar” ertinya suatu kawasan yang ditubuhkan sedemikian oleh Menteri di bawah seksyen 11;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Negeri Sabah atau Kerajaan Persekutuan;

“Majistret” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diperuntukkan untuknya di bawah Enakmen Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1963 [*Enakmen No. 34 tahun 1963*];

“Majlis ” ertinya Majlis Perlindungan Alam Sekitar yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“melepaskan” termasuklah mengeluarkan, meletak atau membenarkan untuk melepas;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perlindungan alam sekitar;

“orang” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diperuntukkan untuknya di bawah Enakmen Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1963 [*Enakmen No. 34 tahun 1963*];

“penalti” ertinya denda, penjara atau bentuk hukuman lain;

“pencemaran” ertinya apa-apa perubahan langsung atau tak langsung terhadap alam sekitar atau mana-mana bahagiannya dengan melepaskan, mengeluarkan, atau meletakkan buangan atau bahan cemar yang akan menyebabkan bahaya kepada alam sekitar atau menyebabkan keadaan yang berbahaya atau mungkin berbahaya kepada kesihatan dan keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada haiwan, burung-burung, ikan, hidupan akuatik atau tumbuh-tumbuhan;

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar yang dilantik di bawah seksyen 24;

“penghuni” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diperuntukkan untuknya di bawah Enakmen Hutan 1968 [*Enakmen No. 2 tahun 1968*];

“pemilik” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diperuntukkan olehnya di bawah Ordinan Tanah (Bab 68) [*Bab 68*];

“perjanjian syarat-syarat alam sekitar” ertinya suatu perjanjian yang ditandatangani oleh seseorang sebelum mula berkuatkuasa apa-apa aktiviti pembangunan yang ditetapkan di bawah seksyen 12;

“pihak berkuasa alam sekitar” ertinya mana-mana jabatan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa tempatan atau pegawai yang dilantik sewajarnya oleh Pengarah di bawah Enakmen ini untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan atau melaksanakan tanggungjawab yang dikenakan ke atas pihak berkuasa alam sekitar tersebut oleh Enakmen ini atau untuk melaksanakan apa-apa tanggungjawab atau fungsi sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah untuk melakukan, melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa perintah atau keputusan Pengarah yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“Setiausaha Tetap” ertinya Setiausaha Tetap kepada Kementerian yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perlindungan alam sekitar;

“signifikan” ertinya kesan sampingan terhadap mana-mana aktiviti yang atau mungkin akan berlaku ke atas alam sekitar disebabkan oleh –

(a) kepentingan kesan itu yang berkaitan dengan sempadan ruang angkasa;

- (b) kekekalan kesan itu;
- (c) pembalikan kesan itu;
- (d) kumulatif kesan itu ke atas masa; atau
- (e) risiko kesan itu berhubung dengan kesihatan dan keselamatan.

“sumber-sumber semulajadi” termasuklah udara, sumber-sumber kepelbagaian biologi, hutan dan hasil hutan, gas, mineral, minyak, tanah, batu-batan, tanah-tanah, haiwan, burung-burung, tumbuh-tumbuhan, marin dan hidupan akuatik dan air;

“tanah” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diperuntukkan untuknya di bawah Ordinan Tanah (Bab 68) [*Bab 68*];

“tumbuh-tumbuhan ” termasuklah hutan;

“zon berbahaya alam sekitar” ertinya kawasan zon berbahaya alam sekitar yang diisytiharkan sedemikian oleh Menteri di bawah seksyen 18;

BAHAGIAN II

MAJLIS PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

enubuhan
Majlis
Perlindungan
Alam Sekitar.

3. (1) Hendaklah ditubuhkan bagi maksud Enakmen ini satu badan yang hendaklah dikenali sebagai “Majlis Perlindungan Alam Sekitar” (selepas ini dirujuk sebagai “Majlis”) yang fungsinya adalah untuk menasihati Kerajaan Negeri ke atas perkara-perkara berhubung dengan pelaksanaan Enakmen ini.

- (2) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut:
 - (a) seorang Pengerusi yang hendaklah Menteri;
 - (b) Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar yang hendaklah menjadi Setiausaha kepada Majlis;
 - (c) Peguam Besar Negeri atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (d) Setiausaha Hasil Bumi atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (e) Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (f) Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (g) Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (h) Pengarah Tanah dan Ukur atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (i) Pengarah Jabatan Perhutanan atau wakilnya yang diberikuasa;

- (j) Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (k) Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Persekutuan atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (l) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Persekutuan (Wilayah Sabah) atau wakilnya yang diberikuasa; dan
 - (m) 3 ahli lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.
- (3) Pengarah hendaklah tiada hak untuk mengundi di mana-mana mesyuarat.
- (4) Menteri boleh berkenaan dengan setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (m) subseksyen (2) melantik seseorang untuk menjadi ahli ganti bagi menghadiri sebagai ganti kepada ahli di mesyuarat-mesyuarat Majlis jika ahli itu atas sesuatu sebab tidak dapat untuk hadir.
- (5) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis, ahli ganti yang dilantik di bawah subseksyen (4) hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai ahli Majlis.
- (6) Ahli ganti hendaklah, melainkan dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu terhenti menjadi ahli ganti apabila ahli berkenaan dengan siapa dia menjadi ahli ganti terhenti menjadi ahli Majlis.

4. Setiap ahli yang dilantik oleh Majlis hendaklah, melainkan dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah layak untuk digantikan.

Tempoh jawatan dan kelayakan untuk dilantik semula.

5. (1) Orang-orang berikut adalah hilang kelayakan untuk dilantik atau menjadi ahli Majlis:

Hilang kelayakan, perletakan jawatan dan mengosongkan jawatan.

- (a) seseorang yang tidak sempurna akal atau yang tidak berupaya untuk menjalankan tanggungjawab yang dikehendaki;
- (b) seseorang yang telah didapati bersalah atas kesalahan melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; atau
- (c) seseorang yang bankrap.

(2) Ahli Majlis yang dilantik hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan jawatan –

- (a) apabila dia mati;
- (b) apabila dia meletakkan jawatan;
- (c) apabila dia gagal untuk menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran daripada Pengerusi; atau
- (d) jika dia hilang kelayakan di bawah subseksyen (1),

dan ahli baru hendaklah dilantik menggantikannya bagi tempoh belum luput jawatannya menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Panggilan mesyuarat, korum, pengundian, prosedur dan minit.

6. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap empat bulan dalam setahun dan hendaklah, sebagai tambahan, bermesyuarat sebagaimana dan apabila dipanggil oleh Pengerusi.

(2) Mesyuarat Majlis hendaklah mempunyai Korum sekurang-kurangnya sembilan ahli.

(3) Keputusan Majlis hendaklah daripada undi majoriti.

(4) Jika terdapat undi sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(5) Tertakluk kepada Enakmen ini, Majlis hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

(6) Majlis hendaklah menyimpan minit-minit semua prosiding Majlis.

(7) Pengerusi boleh mengundang atau meminta seseorang yang bukan ahli Majlis untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis untuk maksud menasihatinya atas perkara yang dibincangkan tetapi orang yang hadir itu hendaklah tiada hak untuk mengundi di mesyuarat tersebut.

Mempengerusikan mesyuarat Majlis.

7. Pengerusi Majlis hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

Pembayaran elaun.

8. Setiap ahli Majlis yang dilantik boleh dibayar sejumlah elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri berkenaan dengan kehadirannya di mesyuarat Majlis.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN UMUM BERHUBUNG DENGAN POLISI DAN PROGRAM PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Polisi perlindungan alam sekitar.

9. Menteri boleh mengarahkan Pengarah untuk merumuskan apa-apa polisi perlindungan alam sekitar mengikut dan selaras dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Program perlindungan alam sekitar.

10. (1) Pengarah boleh merumuskan apa-apa program berkenaan dengan apa-apa langkah perlindungan alam sekitar dalam kawasan berikut –

(a) mana-mana kawasan yang mana pencemaran alam sekitar pada masa itu adalah ketara; atau

(b) mana-mana kawasan yang mana pencemaran alam sekitar mungkin menjadi ketara disebabkan oleh peningkatan cepat tumpuan penduduk atau aktiviti manusia.

(2) Hendaklah menjadi tanggungjawab Pengarah atau pihak berkuasa alam sekitar, mengikut mana yang berkenaan, untuk merumuskan pelan tindakan perlindungan alam sekitar berkenaan dengan mana-mana kawasan yang telah ditetapkan bagi perlindungan alam sekitar dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Pengarah.

(3) Pelan tindakan perlindungan alam sekitar hendaklah menggabungkan sistem pengurusan intergrasi perlindungan alam sekitar, dengan mengambilkira kepentingan masalah dan keadaan-keadaan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang hendaklah termasuk –

- (a) pengawalan pencemaran daripada sumber-sumber penting;
- (b) pemerolehan dan pengambilan tanah, bahan-bahan, peralatan, perkakas dan alat-alat yang perlu bagi pembinaan, pemasangan, pemajuan, pengubahsuaian, pembaikan, penyelenggaraan dan pengendalian kemudahan-kemudahan perlindungan alam sekitar seperti loji rawatan air buangan pusat dan kemudahan pelupusan buangan pusat;
- (c) pemeriksaan, pengawasan dan kawalan pencemaran; dan
- (d) semua kos, caj dan perbelanjaan sampingan untuk melaksanakan pelan tindakan perlindungan alam sekitar.

11. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana kawasan tanah, sama ada diberimilik atau tidak diberimilik, sebagai kawasan perlindungan alam sekitar untuk melindungi alam sekitar.

Kawasan perlindungan alam sekitar.

12. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menentukan jenis-jenis aktiviti pembangunan yang mungkin mempunyai kesan sampingan ke atas alam sekitar.

Laporan ke atas aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.

(2) Pengarah boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengkategorikan mana-mana aktiviti pembangunan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dengan mengambilkira kepentingan kesan sampingan aktiviti-aktiviti pembangunan tersebut ke atas alam sekitar.

(3) Tiada seorangpun boleh menjalankan apa-apa aktiviti pembangunan yang dikategorikan di bawah subseksyen (2) melainkan orang tersebut telah mengemukakan laporan penilaian kesan alam sekitar atau cadangan langkah-langkah pengurangan sebagaimana kes mengehendaki dan laporan atau cadangan tersebut telah diluluskan oleh Pengarah.

(4) Pengarah boleh mengarahkan pemohon untuk menyediakan dan mengemukakan laporan asal penilaian kesan alam sekitar dalam kes-kes di mana aktiviti pembangunan yang ditetapkan mengandungi projek-projek individu yang lebih kecil untuk dilaksanakan dalam fasa-fasa dan yang adalah tertakluk kepada berbagai tingkatan kajian semula atau kelulusan.

(5) Pengarah hendaklah, sebelum aktiviti pembangunan yang ditetapkan atau aktiviti pembangunan yang ditetapkan selanjutnya dimulakan, di dalam mana-mana kawasan berkenaan dengan mana laporan asal kesan penilaian alam sekitar dikemukakan, menghendaki pemohon untuk menandatangani perjanjian syarat-syarat alam sekitar atau deklarasi pengurangan, sebagaimana kes menghendaki.

(6) Jika Pengarah setelah memeriksa laporan penilaian kesan alam sekitar atau cadangan langkah-langkah pengurangan berpendapat bahawa laporan atau cadangan tersebut tidak memperuntukkan bagi perlindungan alam sekitar, dia hendaklah tidak meluluskan laporan atau cadangan tersebut.

Laporan ke atas aktiviti-aktiviti yang tidak ditetapkan.

13. Pengarah boleh menghendaki laporan penilaian kesan alam sekitar atau cadangan langkah-langkah pengurangan untuk dikemukakan oleh pemohon bagi apa-apa aktiviti yang tidak ditetapkan di bawah seksyen 12 subseksyen (1) jika Pengarah berpendapat bahawa aktiviti pembangunan tersebut mempunyai atau mungkin mempunyai kesan sampingan ke atas alam sekitar.

Pihak Berkuasa Kerajaan untuk memberitahu Pengarah.

14. Mana-mana pihak berkuasa kerajaan hendaklah dengan segera memberitahu Pengarah secara bertulis jika aktiviti pembangunan di bawah bidangkuasa mereka adalah termasuk dalam senarai aktiviti-aktiviti pembangunan yang ditetapkan atau jika pihak berkuasa kerajaan berpendapat bahawa laporan penilaian kesan alam sekitar atau cadangan langkah-langkah pengurangan adalah dikehendaki.

Prosedur dan panduan bagi kesan alam sekitar.

15. Pengarah hendaklah menyediakan prosedur dan panduan bagi penyediaan penilaian kesan alam sekitar dan cadangan langkah-langkah pengurangan, dan pengeluaran perjanjian syarat-syarat alam sekitar dan deklarasi pengurangan.

Pengenaan bayaran pemprosesan.

16. Pengarah boleh mengenakan bayaran munasabah daripada mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan laporan penilaian kesan alam sekitar atau cadangan langkah-langkah pengurangan untuk memproses laporan penilaian kesan alam sekitar atau cadangan langkah-langkah oleh Jabatan.

Pelesenan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.

17. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan jenis-jenis dan saiz aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran atau mungkin akan menyebabkan pencemaran untuk dikawal dengan cara pelesenan.

(2) Tiada seorangpun boleh mengendalikan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) tanpa lesen dikeluarkan bagi tujuan itu dan tiada seorangpun boleh dikeluarkan lesen melainkan bayaran yang telah ditetapkan dbayar.

(3) Pengarah boleh membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan kepada mana-mana orang jika Pengarah mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pemegang lesen telah melanggar mana-mana terma dan syarat di dalam lesen.

(4) Pengarah hendaklah mengeluarkan notis kepada pemegang lesen sebelum mana-mana lesen dibatalkan.

18. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai zon berbahaya alam sekitar jika kawasan tersebut dicemar dan boleh menyebabkan risiko penting terhadap kesihatan dan keselamatan manusia atau alam sekitar.

Zon bahaya alam sekitar.

(2) Apabila suatu kawasan diisytiharkan sebagai zon berbahaya alam sekitar, Pengarah boleh mengenakan apa-apa sekatan ke atas penggunaan kawasan tersebut sebagaimana dia sifatkan perlu untuk mengurangkan berbahaya alam sekitar dalam kawasan itu dan persekitarannya.

(3) Menteri boleh membatalkan mana-mana pengisytiharan secara keseluruhan atau sebahagiannya berkenaan dengan mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai zon berbahaya alam sekitar jika sekatan dan tindakan berjaga-jaga tidak lagi terpakai di kawasan tersebut.

19. Menteri boleh mengenakan bayaran produk, bayaran efluen, bayaran pengguna atau bayaran pelupusan buangan pada kadar yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Pengenaan bayaran produk, dsb.

20. (1) Bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini, Pengarah boleh mengenakan apa-apa langkah perlu untuk melindungi alam sekitar, mencegah atau mengurangkan apa-apa kesan sampingan ke atas alam sekitar berhubung dengan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan tetapi tidak terhad kepada –

Langkah-langkah perlindungan alam sekitar.

- (a) mana-mana penggunaan tanah, pemeliharaan tanah atau kaedah-kaedah penggunaannya;
- (b) penambakan dan tebus guna tanah;
- (c) penumbangan pokok, pembersihan dan pemusnahan tumbuh-tumbuhan atau membakar mana-mana tanah;
- (d) menggali atau mengorek anak sungai atau mengubah sumber dan haluan tebing atau sungai;
- (e) apa-apa pelepasan bahan cemar ke dalam air, anak sungai, tasik atau pantai, dan penyimpanan bahan cemar tersebut;
- (f) apa-apa aktiviti berhubung dengan pengeluaran, penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan atau pelupusan buangan;
- (g) apa-apa aktiviti berhubung dengan paip kumbahan, loji rawatan air buangan, loji pembakaran dan tebusguna tanah buangan dan ke atas rekaan, pengendalian dan penyelenggaraan paip dan loji tersebut;
- (h) apa-apa aktiviti ternakan, penggunaan atau pelupusan sisa haiwan dan organik lain;

- (i) apa-apa aktiviti berhubung dengan penggalian atau pengubahan apa-apa bentuk geografi dan geologi.

BAHAGIAN IV TABUNG PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

- | | |
|---|--|
| Penubuhan Tabung Perlindungan Alam Sekitar. | <p>21. (1) Hendaklah ditubuhkan satu tabung dikenali sebagai “Tabung Perlindungan Alam Sekitar” (selepas ini dirujuk sebagai “Tabung”) kepada Jabatan.</p> <p>(2) Tabung tersebut hendaklah ditadbir oleh satu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Tabung Perlindungan Alam Sekitar” yang terdiri daripada –</p> <ul style="list-style-type: none">(a) Setiausaha Tetap sebagai Pengerusi;(b) Bendahari Negeri atau wakilnya yang diberikuasa; dan(c) Pengarah. |
| Wang hendaklah dibayar ke dalam Tabung. | <p>22. (1) Hendaklah dibayar ke dalam Tabung –</p> <ul style="list-style-type: none">(a) suatu jumlah yang diperuntukkan oleh Dewan Undangan perlu untuk maksud Tabung tersebut;(b) bayaran-bayaran yang dikutip di bawah seksyen 16, 17(2) dan 19;(c) apa-apa pinjaman atau bantuan yang diberikan kepada Kerajaan oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud Tabung tersebut;(d) bayaran-bayaran yang dikutip di bawah Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawahnya; dan(e) apa-apa perintah yang diarahkan oleh Mahkamah di bawah Enakmen ini. <p>(2) Semua wang yang dibayar ke dalam Tabung hendaklah didepositkan ke dalam bank yang dilesenkan sewajarnya di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989.</p> |
| Tujuan Tabung. | <p>23. Tabung tersebut hendaklah digunakan bagi maksud-maksud yang berikut</p> <ul style="list-style-type: none">(a) penyediaan dan pelaksanaan pelan tindakan alam sekitar;(b) perbelanjaan yang ditanggung dalam menubuhkan, melindungi, memelihara dan mengurus kawasan-kawasan perlindungan alam sekitar;(c) penyelidikan dan pembangunan berhubung dengan langkah-langkah perlindungan alam sekitar;(d) kerja-kerja penyiasatan ke atas bahaya alam sekitar dan pencemaran; atau |

- (e) apa-apa kerja yang perlu akibat daripada kewujudan atau kemungkinan berlaku bahaya alam sekitar dan pencemaran.

BAHAGIAN V PENTADBIRAN

24. (1) Hendaklah ada Pengarah bagi Jabatan Perlindungan Alam Sekitar yang hendaklah dilantik di kalangan ahli-ahli Perkhidmatan Awam Negeri dan yang fungsi dan tanggungjawabnya adalah untuk –

Fungsi dan tanggungjawab Pengarah.

- (a) menjalankan atau melaksanakan apa-apa tindakan yang perlu untuk melindungi, memelihara, memperbaharui atau menjaga keindahan kualiti alam sekitar;
- (b) menggabungkan perlindungan alam sekitar ke dalam rancangan apa-apa aktiviti pembangunan atau penggunaan apa-apa sumber semulajadi yang mungkin mempunyai kesan sampingan ke atas alam sekitar;
- (c) mengawalselia apa-apa aktiviti pembangunan atau penggunaan sumber-sumber semulajadi yang mempunyai atau mungkin mempunyai kesan sampingan ke atas alam sekitar;
- (d) melindungi kawasan-kawasan yang sensitif bagi pemuliharaan biodiversiti dan penyelenggaraan kualiti alam sekitar;
- (e) mengambil tindakan yang perlu untuk melindungi estetik, kualiti asal dan keindahan alam sekitar;
- (f) menggalakkan kerjasama dan usaha sama di antara persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan atas perumusan dan pelaksanaan polisi dan program perlindungan alam sekitar;
- (g) menggalakkan penyelidikan alam sekitar, sains dan teknologi;
- (h) meningkatkan kesedaran alam sekitar ke atas kepentingan perlindungan, pemuliharaan dan kualiti alam sekitar;
- (i) mengadakan apa-apa tinjauan, penyelidikan atau kajian ke atas keadaan alam sekitar Negeri atau mana-mana bahagiannya yang perlu untuk perumusan dan pelaksanaan polisi berhubung dengan perlindungan alam sekitar; dan
- (j) menjalankan apa-apa fungsi atau tanggungjawab menurut atau mengikut mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini.

(2) Hendaklah ada sebilangan pegawai-pegawai lain sebagaimana perlu atau suaimanfaat untuk pentadbiran sewajarnya Enakmen ini yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

(3) Pengarah boleh, jika dia tidak hadir, mewakilkuasakan pelaksanaan apa-apa kuasa Pengarah di bawah Enakmen ini kepada mana-mana pegawai Jabatan.

(4) Menteri boleh memberi apa-apa arahan khusus atau umum yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini kepada Pengarah.

Kewajipan untuk menjalankan fungsi, dsb, dalam waktu yang munasabah.

25. Setiap orang yang melaksanakan atau menjalankan apa-apa fungsi, kuasa atau tanggungjawab atau dikehendaki di bawah Enakmen ini untuk melakukan atau menjalankan apa-apa tindakan yang mana had masa tidak dikenakan hendaklah melakukannya seberapa segera yang munasabah dan dalam keadaan-keadaan yang boleh dipraktikkan.

Pegawai penguatkuasa alam sekitar.

26. (1) Pengarah boleh memberikuasa kepada mana-mana pegawai Jabatan atau mana-mana pihak berkuasa Kerajaan untuk menjalankan apa-apa fungsi atau kuasa sebagai seorang pegawai penguatkuasa alam sekitar di bawah Enakmen ini.

(2) Pengarah hendaklah mengeluarkan satu surat kuasa kepada setiap pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa.

(3) Setiap pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa yang melaksanakan atau dikatakan melaksanakan apa-apa kuasa yang diberikan kepada pegawai tersebut oleh Enakmen ini hendaklah ada padanya atau hendaklah mengemukakan jika dikehendaki untuk melakukan sedemikian, surat kuasa yang dikeluarkan oleh Pengarah.

(4) Pengarah boleh membatalkan surat kuasa yang dikeluarkan kepada mana-mana pegawai penguatkuasa alam sekitar apabila dia ditamatkan daripada pekerjaannya atau atas apa-apa sebab yang disifatkan wajar oleh Pengarah.

Mengemukakan maklumat kepada Pengarah.

27. Pengarah boleh, melalui notis bertulis, mengkehendaki mana-mana orang, penghuni atau pemilik mana-mana tempat atau premis untuk mengemukakan kepada Pengarah maklumat berhubung dengan –

- (a) apa-apa penggunaan tanah atau tumbuh-tumbuhan;
- (b) apa-apa penambahan, pemesongan, pengambilan atau penggunaan mana-mana air;
- (c) apa-apa pembinaan, penyaliran, penggalian, penebusan semula, di dalam atau terhadap mana-mana tepi pantai atau dasar laut;
- (d) apa-apa peralatan, peralatan kawalan atau loji industri yang ditemui di tempat atau premis tersebut;
- (e) apa-apa bahan cemar yang ditemui di tempat atau premis tersebut;
- (f) apa-apa pengeluaran, pelepasan atau peletakan bahan-bahan cemar di dalam atau di atas tempat atau premis tersebut; atau
- (g) apa-apa buku, rekod atau dokumen berhubung dengan penggunaan apa-apa peralatan, peralatan kawalan atau loji industri.

BAHAGIAN VI
TANGGUNGJAWAB DAN SEKATAN

28. (1) Tiada seorangpun boleh menggunakan mana-mana tanah dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar.

Sekatan ke atas penggunaan tanah.

(2) Dalam seksyen ini, perkataan “guna” berkenaan dengan mana-mana tanah bererti –

- (a) apa-apa pengubahan, pembinaan, binaan tambahan, peletakan, pemindahan, penggunaan atau perobohan mana-mana struktur atau bahagian mana-mana struktur di dalam, di atas, di bawah atau melepasi tanah;
- (b) apa-apa penggalian, penggerudian, tembusan atau gangguan ke atas tanah;
- (c) apa-apa kemusnahan, kerosakan atau gangguan kepada habitat tumbuh-tumbuhan atau haiwan di dalam, di atas atau di bawah tanah;
- (d) meletakkan apa-apa bahan cemar di dalam, di atas atau di bawah tanah; atau
- (e) memasukkan apa-apa bahan cemar ke dalam, atau melintasi permukaan tanah.

29. Tiada seorangpun boleh di dalam atau di sepanjang mana-mana kawasan pantai –

Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti di sepanjang kawasan pantai.

- (a) menebus guna atau menyalir air mana-mana pesisir pantai atau dasar laut dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar;
- (b) mengubah, mendirikan, merobohkan, meletakkan, membangunkan semula atau mengalihkan mana-mana struktur atau mana-mana bahagian struktur yang di pasang di dalam, di atas, di bawah atau melepasi mana-mana pesisir pantai atau dasar laut dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar;
- (c) merosak, memusnah atau mengganggu mana-mana pesisir pantai atau dasar laut dengan menggali, menggerudi atau membuat tembusan dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas pesisir pantai atau dasar laut melainkan untuk tujuan menyemai secara sah apa-apa tumbuhan atau haiwan menurut undang-undang bertulis; atau
- (d) meletakkan di dalam, di atas atau di bawah mana-mana pesisir pantai atau dasar laut apa-apa bahan cemar dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas pesisir pantai atau dasar laut.

Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjejaskan dasar tasik atau sungai.

30. (1) Tiada seorangpun boleh, berkenaan dengan dasar mana-mana tasik atau sungai –

- (a) mengubah, meroboh, mendirikan, memperluaskan, meletakkan, membangunkan semula atau mengalihkan mana-mana struktur atau mana-mana bahagian struktur di dalam, di atas, di bawah atau melepasi dasar;
- (b) mengganggu dengan menggali, menggerudi atau membuat tembusan dasar;
- (c) memperkenalkan atau menanam apa-apa tumbuhan atau apa-apa bahagian daripada tumbuhan (samada eksotik atau asli) di dalam, di atas atau di bawah dasar;
- (d) meletakkan apa-apa bahan cemar di dalam, di atas atau di bawah dasar;
- (e) menebus guna atau menyalir air daripada dasar;
- (f) memasuki atau melintasi dasar mana-mana sungai atau tasik; atau
- (g) merosakkan, memusnahkan, mengganggu atau mengalihkan apa-apa tumbuhan (samada eksotik atau asli) atau habitat apa-apa tumbuhan atau haiwan itu di dalam, di atas atau di bawah dasar apa-apa tasik atau sungai;

dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar.

Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjejaskan air.

31. (1) Tiada seorangpun boleh memesongkan, mengubah haluan, mengambil atau menggunakan mana-mana –

- (a) air;
- (b) haba atau tenaga daripada air; atau
- (c) haba atau tenaga daripada bahan di sekeliling air geoterma,

dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar.

Sekatan ke atas pelepasan bahan cemar.

32. (1) Tiada seorangpun boleh melepaskan apa-apa –

- (a) bahan cemar ke dalam air;
- (b) bahan cemar ke atas atau ke dalam mana-mana tanah dalam keadaan yang boleh mengakibatkan bahan cemar (atau apa-apa bahan cemar yang timbul akibat daripada proses semula jadi daripada bahan cemar) memasuki air;
- (c) bahan cemar daripada mana-mana premis pertanian, premis perindustrian atau mana-mana premis yang lain ke dalam udara; atau
- (d) bahan cemar daripada mana-mana premis pertanian, premis perindustrian atau mana-mana premis yang lain ke dalam tanah;

dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar.

33. (1) Tiada seorangpun boleh, berkaitan dengan mana-mana tumbuhan (sama ada asli atau sebaliknya) –

Sekatan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjejaskan tumbuh-tumbuhan

- (a) mengubah, membakar, menukar, memusnah, mengubahsuai, merosak, merubah, mengubah urutan atau mempelbagaikan tumbuh-tumbuhan itu atau mana-mana bahagian daripada mana-mana tumbuh-tumbuhan; atau
- (b) mengeksploitasi tumbuh-tumbuhan itu atau mana-mana bahagian daripadanya;

dengan cara yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar.

34. Tiada seorangpun boleh memperkenalkan mana-mana organisma atau tumbuh-tumbuhan atau haiwan yang telah diubahsuai secara baka yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan yang ketara ke atas alam sekitar.

Kawalan terhadap organisma atau tumbuh-tumbuhan atau haiwan yang diubahsuai secara baka

35. Setiap orang hendaklah bertanggungjawab untuk mengelakkan, meremеди atau mengurangkan mana-mana kesan sampingan ke atas alam sekitar akibat daripada aktiviti yang dijalankan oleh atau bagi pihak orang itu samada aktiviti itu berlesen atau dibenarkan secara bertulis atau tidak oleh Pengarah menurut Enakmen ini.

Tanggungjawab untuk menghalang kesan sampingan ke atas alam sekitar.

36. Pengarah boleh mengecualikan kehendak mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini bagi mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan untuk tujuan penyelidikan.

Pengecualian bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN DAN KUASA SAMPINGAN

37. (1) Pengarah boleh mengeluarkan notis pemberhentian atas mana-mana orang mengkehendaki orang itu berhenti, atau melarang orang itu daripada menjalankan apa-apa yang dilakukan atau akan dilakukan oleh atau bagi pihak orang itu yang –

Pengarah boleh mengeluarkan notis pemberhentian untuk melindungi alam sekitar.

- (a) menyalahi atau berkemungkinan menyalahi mana-mana peruntukan Enakmen ini; atau

- (b) memudaratkan atau mungkin akan memudaratkan, membahayakan, menjijikkan, atau tidak menyenangkan hingga ke tahap yang atau mungkin akan memberi kesan ke atas alam sekitar.

(2) Pengarah boleh mengeluarkan notis pemberhentian kepada mana-mana orang menghendaki orang itu melakukan sesuatu yang perlu untuk memastikan orang itu atau bagi pihak orang itu patuh dengan mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini dan juga perlu untuk mengelakkan, meremеди atau mengurangkan mana-mana kesan sampingan yang ketara atau berkemungkinan ke atas alam sekitar –

- (a) yang disebabkan oleh atau bagi pihak orang itu; atau

- (b) berkenaan dengan tanah yang mana orang itu adalah pemilik atau penghuni.

(3) Notis pemberhentian itu tidak boleh dikeluarkan ke atas mana-mana orang melainkan Pengarah mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana keadaan di bawah subseksyen (1) atau subseksyen (2) wujud.

(4) Setiap orang yang diberikan notis pemberhentian di bawah seksyen ini hendaklah mematuhi notis itu dalam masa sebagaimana Pengarah boleh tetapkan dalam notis selepas mempertimbangkan jenis dan keseriusan tindakan yang akan dilakukan, diremedi, dihentikan atau dilarang.

(5) Setiap notis pemberhentian hendaklah meliputi tetapi tidak terhad kepada yang berikut –

- (a) nama orang kepada siapa ia ditujukan;

- (b) sebab notis;

- (c) tindakan yang diperlukan untuk diambil atau dihentikan atau tidak diambil;

- (d) akibat daripada tidak mematuhi notis;

(6) Jika mana-mana orang, pemilik atau penghuni gagal untuk menjalankan mana-mana kerja di bawah mana-mana notis pemberhentian, Pengarah boleh menjalankan kerja yang perlu bagi melaksanakan notis pemberhentian, dan mana-mana kos yang ditanggung di dalamnya hendaklah disifatkan sebagai hutang tertunggak oleh orang, pemilik atau penghuni kepada Kerajaan Negeri dan, sehingga dijelaskan, faedah hendaklah dibayar ke atasnya pada harga pasaran sekarang.

(7) Apa-apa rayuan di bawah seksyen 47 perenggan (c) hendaklah bertindak sebagai penangguhan notis pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

Hak untuk masuk.

38. (1) Setiap pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis oleh Pengarah boleh pada setiap masa yang munasabah memasuki ke dalam atau ke bawah atau ke atas mana-mana tempat, premis atau struktur, melainkan rumah kediaman, untuk tujuan pemeriksaan untuk memastikan samada atau tidak –

- (a) mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini dipatuhi; atau

- (b) notis pemberitahuan dipatuhi.

- (2) Untuk tujuan subseksyen (1), pegawai penguatkuasa alam sekitar boleh –
- (a) mengambil sampel air, udara, tanah-tanah atau bahan organik;
 - (b) mengambil sampel mana-mana bahan cemar yang dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan atau mungkin akan menjadi atau adalah satu kelas atau sejenis yang biasanya dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada sesuatu tempat, premis atau struktur;
 - (c) mengambil sampel mana-mana bahan bakar yang digunakan, atau mungkin akan digunakan atau selalunya digunakan di mana-mana perniagaan, industri atau proses yang dijalankan di dalam atau di tempat, premis atau struktur itu;
 - (d) memeriksa dan menyiasat apa-apa peralatan, alat kawalan, alat pengawasan, atau loji industri;
 - (e) memeriksa mana-mana buku, rekod atau dokumen berkenaan dengan pelaksanaan atau penggunaan apa-apa, alat kawalan, alat pengawasan atau loji industri; atau
 - (f) memeriksa mana-mana buku, rekod atau dokumen berkenaan dengan pelepasan, pembuangan atau peletakan daripada tempat, premis atau struktur itu.

(3) Jika pemilik atau penghuni premis yang tertakluk kepada pemeriksaan tidak hadir pada masa pemeriksaan, pegawai penguatkuasa alam sekitar hendaklah meninggalkan pada kedudukan yang menonjol dan mudah dilihat di premis atau ditampalkan di struktur itu notis bertulis yang menunjukkan tarikh dan masa pemeriksaan dan nama pegawai penguatkuasa alam sekitar yang menjalankan pemeriksaan.

(4) Pengarah atau pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa boleh mendapatkan daripada mana-mana pihak berkuasa Kerajaan atau mana-mana balai polis yang mana bantuan tersebut perlu untuk menjalankan kuasa di bawah seksyen ini.

39. (1) Untuk tujuan yang berkaitan dengan mana-mana persediaan, perubahan atau penyemakan semula mana-mana polisi alam sekitar atau rancangan di bawah Enakmen ini, Pengarah boleh memberikuasa dengan nyata mana-mana pegawai penguatkuasa alam sekitar untuk –

- (a) menjalankan tinjauan, penyiasatan, ujian atau pengukuran;
- (b) mengambil sampel air, udara, tanah-tanah atau tumbuh-tumbuhan; atau
- (c) memasuki atau memasuki semula tanah atau mana-mana bahagian daripadanya –

dengan atau tanpa bantuan, kenderaan, kelengkapan, jentera atau peralatan yang perlu untuk tujuan tersebut, dengan syarat pegawai penguatkuasa alam sekitar tidak memasuki mana-mana rumah kediaman.

40. (1) Sekiranya Pengarah atau mana-mana pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini, Pengarah atau mana-mana

Kuasa untuk menjalankan tinjauan, dsb.

Kuasa untuk menahan dan menyita.

pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa boleh menahan orang itu tanpa waran dan boleh menyita apa-apa peralatan, jentera, pengangkut, perkakas atau apa-apa benda lain yang dipercayai digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut.

(2) Mana-mana orang yang ditahan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibawa ke balai polis terdekat atau dikemukakan di hadapan Majistret untuk dikendalikan sebagaimana diperuntukkan di bawah Kanun Acara Jenayah.

(3) Pengarah atau mana-mana pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa boleh mengemukakan apa-apa yang disita di bawah Enakmen ini di hadapan Majistret dalam tempoh 24 jam daripada masa sitaan.

Penjagaan dan
pelupusan
barang-barang

41. (1) Jika apa-apa yang disita tidak boleh dikemukakan kepada Majistret kerana masalah praktikal, barang yang disita itu hendaklah disimpan di bawah jagaan Pengarah atau mana-mana pegawai penguatkuasa yang diberikuasa melainkan diarahkan sebaliknya oleh Mahkamah Majistret.

(2) Majistret boleh melepaskan apa-apa yang disita di bawah Enakmen ini kepada pemilik sah, selepas pemilik sah memberikan jaminan sehingga memuaskan hati Majistret.

(3) Apa-apa yang disita menurut Enakmen ini dan tidak dituntut oleh sesiapa dalam masa 30 hari selepas disiarkan di suratkhbar tempatan, barang yang disita itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilucuthak.

(4) Jika tuntutan dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh disiarkan, Pengarah hendaklah merujuk tuntutan tersebut kepada Majistret yang akan membuat keputusan di bawah Enakmen ini.

(5) Majistret yang mana rujukan di bawah subseksyen (4) dibuat hendaklah –

(a) mengeluarkan saman menghendaki penuntut hadir di hadapannya dan akan mendengar tuntutan tersebut;

(b) selepas perbicaraan dan jika tuntutan tersebut telah ditolak, mengarahkan barang yang disita dilucuthak oleh Pengarah menurut peruntukan di bawah Enakmen ini atau atas bukti bahawa tiada kesalahan dilakukan di bawah Enakmen ini, memulangkan barang yang disita itu kepada penuntut; atau

(c) memerintahkan barang yang disita dilupuskan oleh Pengarah menurut peruntukan di bawah Enakmen ini jika penuntut gagal untuk hadir di Mahkamah tanpa alasan yang munasabah selepas saman disampaikan.

(6) Pengarah, selepas menerima perintah daripada Majistret, hendaklah melupuskan barang yang disita dengan cara melelong dan hasil jualan tersebut dimasukkan ke Tabung Perlindungan Alam Sekitar.

Pelupusan barang
mudah musnah
yang disita.

42. (1) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya, Pengarah boleh melupuskan dalam cara yang disifatkan wajar apa-apa yang disita jika barang tersebut adalah lekas dan sentiasa mudah rosak atau binasa.

(2) Pengarah hendaklah menyimpan hasil daripada jualan di bawah subseksyen (2) dalam mana-mana bank sehingga Mahkamah memutuskan kes tersebut.

43. Bagi tujuan penyiasatan, Pengarah atau mana-mana pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa boleh mengambil keterangan mengikut peruntukan di bawah seksyen 112 Kanun Acara Jenayah.

Mengambil keterangan bagi maksud penyiasatan.

44. Tiada seorangpun boleh dalam mana-mana prosiding di mana-mana Mahkamah berkenaan dengan apa-apa yang disita dalam menjalankan atau dikatakan menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini berhak kepada kos atau mana-mana ganti rugi atau mana-mana relif yang lain selain daripada perintah untuk mengembalikan barang itu atau pembayaran daripada nilainya melainkan penyitaan itu telah dibuat secara *mala fide*.

Tidak ada kos, ganti rugi, dsb. ke atas penyitaan.

45. Mana-mana orang yang diberikuasa secara bertulis oleh Pegawai Pendakwa raya mengikut seksyen 377 Kanun Acara Jenayah, boleh melakukan pendakwaan di bawah Enakmen ini.

Kuasa untuk mendakwa.

BAHAGIAN VIII LEMBAGA RAYUAN ALAM SEKITAR

46. (1) Hendaklah ditubuhkan bagi maksud Enakmen ini satu Lembaga Rayuan yang hendaklah dikenali sebagai “Lembaga Rayuan Alam Sekitar” yang fungsinya adalah untuk mendengar apa-apa rayuan yang diperuntukkan di bawah seksyen 47.

Penubuhan Lembaga Rayuan Alam Sekitar.

(2) Ahli-ahli Lembaga Rayuan hendaklah dilantik oleh Menteri dan hendaklah terdiri daripada –

(a) seorang Pengerusi yang hendaklah seorang bekas hakim atau seorang yang layak menjadi hakim mahkamah tinggi; dan

(b) 2 ahli, seorang daripadanya hendaklah anggota Perkhidmatan Awam Negeri.

(3) Ahli Lembaga Rayuan hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Ahli hendaklah layak kepada apa-apa saraan atau elaun sebagaimana Menteri menentukan.

(5) Menteri boleh membatalkan perlantikan mana-mana ahli tanpa menyatakan apa-apa sebab bagi pembatalan tersebut.

(6) Ahli Lembaga Rayuan yang mempunyai kepentingan dalam apa-apa perkara terhadapnya, hendaklah apabila disedari oleh ahli tentang kepentingannya itu, mendedahkan hal dan keadaannya kepada Pengerusi dan hendaklah tidak mengambil bahagian atau bahagian selanjutnya dalam prosiding Lembaga Rayuan dan dalam keadaan tersebut, Menteri boleh melantik seorang ahli gantian.

(7) Setiap pendedahan kepentingan di bawah subseksyen (6) hendaklah direkodkan.

(8) Award yang dibuat oleh Lembaga Rayuan hendaklah menjadi muktamad dan terikat ke atas semua pihak dalam rayuan.

(9) Dalam menimbangkan rayuan, Lembaga Rayuan hendaklah mendengar perayu dan Pengarah.

(10) Lembaga Rayuan hendaklah menyampaikan keputusan yang munasabah.

(11) Sebelum Menteri membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan prosedur Lembaga Rayuan, prosedur-prosedur berikut hendaklah terpakai –

- (a) perayu hendaklah menyatakan alasan rayuan;
- (b) perayu hendaklah mengumpul semua dokumen atau surat berhubung dengan keputusan itu dan hendaklah menge mukakan satu salinan kepada Pengarah;
- (c) Lembaga Rayuan boleh mengarahkan perayu untuk memberikan pernyataan bertulis untuk menyokong rayuan itu dan salinannya hendaklah diserahkan kepada Pengarah;
- (d) pernyataan bertulis hendaklah diberikan dalam tempoh satu bulan atau mana-mana lanjutannya yang dibenarkan;
- (e) Lembaga Rayuan boleh membenarkan apa-apa pindaan kepada pernyataan;
- (f) Lembaga Rayuan hendaklah kemudiannya menetapkan tarikh pendengaran;
- (g) pendengaran boleh dengan cara pernyataan bertulis yang mengandungi fakta dan undang-undang;
- (h) jika ianya adalah pendengaran lisan, pemeriksaan utama hendaklah dengan cara pernyataan bertulis, tertakluk kepada pemeriksaan balas;
- (i) membenarkan saksi pakar dan kos hendaklah ditanggung oleh pihak yang memanggil saksi;
- (j) membenarkan pihak-pihak untuk mempunyai perwakilan; atau
- (k) secara umum mengarahkan dan melakukan semua perkara yang perlu atau suaimanfaat untuk penentuan segera rayuan itu.

(12) Berkenaan dengan rayuan terhadapnya, Lembaga Rayuan hendaklah mempunyai kuasa untuk –

- (a) menyaman pihak-pihak kepada prosiding atau mana-mana orang lain untuk hadir di hadapannya memberikan keterangan atau benda lain dalam milikan orang tersebut atau secara lain membantu Lembaga Rayuan dalam pertimbangannya; atau
 - (b) menghendaki mana-mana orang untuk mengikat dirinya dengan sumpah menyatakan yang benar.
- (13) Jika perayu gagal untuk hadir pada pendengaran tanpa menunjukkan sebab yang munasabah, Lembaga Rayuan boleh menolak rayuan itu.
- (14) Pendengaran di hadapan Lembaga Rayuan hendaklah terbuka kepada orang awam.
- (15) Keputusan Lembaga Rayuan hendaklah disampaikan dalam tempoh tiga bulan selepas tamat pendengaran.
- (16) Tiada kos boleh diaward dalam pendengaran di hadapan Lembaga Rayuan.
- (17) Undang-undang keterangan hendaklah tidak terpakai dalam pendengaran di hadapan Lembaga Rayuan.
- (18) Bagi maksud Kanun Keseksaan, Lembaga Rayuan hendaklah disifatkan sebagai satu Mahkamah, dan setiap ahlinya hendaklah disifatkan sebagai seorang penjawat awam.

47. Mana-mana orang yang terkilan oleh –

- (a) mana-mana keputusan Pengarah di bawah seksyen 12;
- (b) mana-mana keputusan Pengarah di bawah seksyen 17; atau
- (c) notis pemberhentian yang dikeluarkan di bawah seksyen 37;

boleh dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan muktamad Pengarah di bawah perenggan (a), (b) atau (c), mengemukakan rayuan kepada Pengarah yang hendaklah menyerahkan rayuan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Rayuan.

Rayuan.

BAHAGIAN IX PENDAFTARAN PERUNDING ALAM SEKITAR

48. Hendaklah ditubuhkan bagi maksud Enakmen ini sebuah Jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai “Pendaftaran Jawatankuasa Perunding Alam Sekitar” yang fungsinya hendaklah mengawalselia dan mentadbir pendaftaran perunding alam sekitar di Negeri Sabah.

Penubuhan pendaftaran bagi Jawatankuasa Perunding Alam Sekitar.

49. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada –

Ahli Jawatankuasa.

- (a) Setiausaha Tetap sebagai Pengerusi;
 - (b) Peguam Besar Negeri atau wakilnya yang diberikuasa; dan
 - (c) Pengarah.
- (2) Pengarah hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.
- (3) Resolusi Jawatankuasa hendaklah muktamad.

Perunding alam sekitar yang berdaftar untuk menyediakan laporan.

50. (1) Tiada seorangpun boleh menyerahkan mana-mana laporan penilaian kesan alam sekitar melainkan laporan tersebut telah disediakan oleh perunding alam sekitar yang telah didaftarkan sewajarnya sebagai perunding alam sekitar dan memegang sijil praktis yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan.

(2) Pengarah hendaklah mengenakan bayaran bagi setiap sijil praktis yang dikeluarkan.

(3) Setiap sijil praktis hendaklah sah untuk tempoh tidak melebihi dua tahun dan boleh di perbaharui melalui permohonan.

(4) Hendaklah ada Buku Daftar Perunding Alam Sekitar yang hendaklah disimpan dan diselenggara oleh Pengarah.

BAHAGIAN X KESALAHAN DAN PENALTI

Kegagalan mematuhi terma perjanjian syarat-syarat alam sekitar.

51. Mana-mana orang yang gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat perjanjian alam sekitar di bawah seksyen 12 (5), adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan –

- (a) denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
- (b) penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun; atau
- (c) kedua-dua denda dan penjara.

Kegagalan mematuhi notis pemberhentian.

52. Mana-mana orang yang gagal mematuhi notis pemberhentian adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan –

- (a) denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau
- (b) penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun; atau
- (c) kedua-dua denda dan penjara.

- 53.** Mana-mana orang yang gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat lesen adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan –
- (a) denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit; atau
 - (b) penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun; atau
 - (c) kedua-dua denda dan penjara.
- 54.** Mana-mana orang yang gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat deklarasi pengurangan di bawah seksyen 12(5) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan –
- (a) denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau
 - (b) penjara bagi tidak melebihi dua tahun; atau
 - (c) kedua-dua denda dan penjara.
- 55.** Mana-mana orang yang memiliki surat kuasa tanpa kebenaran Pengarah atau menyamar sebagai pegawai penguatkuasa alam sekitar adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan –
- (a) denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
 - (b) penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun; atau
 - (c) kedua-dua denda dan penjara.
- 56.** Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang, menyekat, menentang atau memperdaya Pengarah atau mana-mana pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan –
- (a) denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
 - (b) penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun; atau
 - (c) kedua-dua denda dan penjara.
- 57.** Bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan, ia hendaklah dianggap sebagai satu kesalahan yang berasingan.
- 58.** Pengarah atau mana-mana pegawai penguatkuasa alam sekitar yang diberikuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini dan kompaun tersebut hendaklah tidak kurang daripada –
- (a) lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 51;

Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen.

Kegagalan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat deklarasi pengurangan.

Penalti kerana tidak memiliki surat kuasa, dsb.

Penalti bagi menghalang, dsb.

Kesalahan yang berterusan sebagai kesalahan yang berasingan.

Mengkompaun.

- (b) dua ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 52 dan 54;
 - (c) lima ratus ringgit dan tidak melebihi lima ribu ringgit bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 53; atau
 - (d) satu ratus ringgit dan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 55 dan 56.
- (2) Jika pesalah gagal untuk menjelaskan kompaun tersebut dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis mengkompaun dikeluarkan, dia hendaklah didakwa di Mahkamah.

Hutang
tertunggak
dibayar kepada
Tabung
Perlindungan
Alam Sekitar.

59. Mana-mana hutang yang tertunggak kepada Kerajaan Negeri di bawah Enakmen ini hendaklah dibayar kepada Tabung Perlindungan Alam Sekitar.

BAHAGIAN XI

KAEDAH-KAEDAH PENGECUALIAN DAN PEMANSUHAN

Kuasa untuk
membuat
kaedah-kaedah.

60. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk memberi kesan kepada peruntukandi bawah Enakmen ini.

(2) Tanpa menyentuh keluasan makna subseksyen (1), Menteri boleh memperuntukkan kaedah-kaedah bagi –

- (a) penubuhan dan pengurusan kawasan perlindungan alam sekitar;
- (b) menetapkan skim pelesenan dan bayaran bagi mana-mana aktiviti yang ditetapkan yang atau mungkin akan memberi kesan sampingan ke atas alam sekitar;
- (c) menetapkan standard alam sekitar bagi udara, air dan tanah-tanah atau bunyi bising yang dibenarkan, dan langkah-langkah dan kawalan bagi setiap standard tidak bertentangan dengan peruntukan mana-mana peraturan atau kaedah yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) menetapkan kadar dan prosedur bagi pelaksanaan mana-mana bayaran produk, bayaran efluen, bayaran pengeluaran, bayaran pengguna atau bayaran pelupusan bahan buangan;
- (e) mana-mana penggunaan tanah, pemeliharaan tanah dan cara-cara yang digunakan dengannya, kerja tanah, pemotongan bukit, atau penebusgunaan tanah;
- (f) menumbang pokok, membersihkan atau pemusnahan tumbuh-tumbuhan atau membakar mana-mana tanah;

- (g) menggali atau mengorek anak sungai atau mengubah sumber atau anak tebing atau sungai;
- (h) mana-mana pelepasan bahan cemar ke dalam air, anak sungai, tasik atau laut dan penyimpanan bahan cemar tersebut;
- (i) apa-apa aktiviti berhubung dengan pengeluaran, penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan atau pelupusan bahan buangan;
- (j) apa-apa aktiviti berkenaan dengan paip kumbahan, loji rawatan air buangan, loji pembakaran dan bahan buangan tanah tebusguna, dan rekabentuk, operasi dan penyelenggaraan paip atau loji tersebut;
- (k) apa-apa aktiviti ternakan dan pelupusan haiwan dan bahan buangan organik lain;
- (l) apa-apa aktiviti berhubung dengan penggalian atau pengubahan geografi dan bentuk geologi;
- (m) menetapkan prosedur untuk mengkompau kesalahan;
- (n) menetapkan bayaran yang akan dibayar bagi apa-apa yang dibenarkan atau dikehendaki untuk dilakukan di bawah Enakmen ini;
- (o) mengawalselia dan menetapkan amalan dan prosedur rayuan kepada Lembaga Rayuan Alam Sekitar dan bayaran yang kena dibayar berkenaan dengannya;
- (p) mengawalselia dan menetapkan amalan dan prosedur bagi pendaftaran perunding alam sekitar dan bayaran yang kena dibayar berkenaan dengannya;
- (q) menetapkan borang yang akan digunakan bagi maksud Enakmen ini; dan
- (r) secara umumnya menetapkan perkara-perkara yang perlu bagi menjalankan maksud Enakmen ini dengan lebih berkesan.

61. Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 adalah dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa –

- (a) semua perlantikan dibuat dan kuasa dan pemberian kuasa yang dijalankan atau diberikan di bawah Enakmen ini hendaklah, setakat mana ianya tidak bertentangan dengan peruntukan Enakmen ini, disifatkan sebagai telah dibuat, dijalankan atau diberikan di bawah Enakmen ini;
- (b) walaupun apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini, mana-mana perjanjian syarat-syarat alam sekitar yang dibuat atau laporan penilaian kesan alam sekitar yang diserahkan terdahulu dan masih sah pada tarikh mula berkuatkuasa Enakmen ini hendaklah disifatkan sebagai perjanjian syarat-syarat alam sekitar yang dibuat atau laporan penilaian kesan alam sekitar yang diserahkan di bawah Enakmen ini;

Pemansuhan
dan
pengecualian.

- (c) mana-mana perintah yang dikeluarkan di bawah Enakmen itu dan masih sah pada tarikh mula berkuatkuasa Enakmen ini hendaklah disifatkan sebagai perintah yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

DIPERAKUKAN oleh saya sebagai salinan Rang Undang-Undang yang tulen yang telah diluluskan oleh Majlis Dewan Undangan pada hari Jumaat, 25 Oktober 2002.

DATUK FRANCIS T.N. YAP,
Timbalan Speaker,
Dewan Undangan Negeri.